

29 AUG 2001

DR MAHATHIR DIBERI PENGHORMATAN MINUM TEH RM3,500 SEKILOGRAM

PUTRAJAYA, 29 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini diberi penghormatan khas dengan upacara kesenian minum teh Oolong yang menjadi tradisi masyarakat Cina sejak 2500 tahun yang lepas.

Majlis kesenian minum teh itu berlangsung di Padang Sekolah Menengah Putrajaya di sini dan disaksikan oleh 2,000 wakil pertubuhan Cina seluruh negara.

Pada majlis itu, Perdana Menteri dan isteri diberikan teh jenis Red Robe yang biasanya dikhaskan untuk minuman raja-raja Cina sahaja.

Teh itu berharga RM3,500 sekilogram dan setiap cawan yang dihidangkan bernilai RM35.

Hidangan teh itu yang diadakan dengan majlis perhimpunan 80 persatuan Cina itu, diberikan dengan ucapan semoga Dr Mahathir dan isteri kekal bahagia, sihat dan panjang umur.

-- BERNAMA
AFY MHI MAI